



**LAPORAN
TAHUNAN
PERPUSTAKAAN
UTeM**

**TAHUN
2007**



LAPORAN TAHUNAN 2007 PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LATARBELAKANG

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mula memberikan perkhidmatan kepada pengguna pada 10 Jun 2001. Perpustakaan ini berpindah ke Kampus Industri CUBIC pada 5 September 2005 dan mula memberikan semula perkhidmatan kepada warga kampus mulai 12 September 2006. Keluasan lantai Perpustakaan ini berjumlah 2,229 meter persegi manakala Perpustakaan cawangan di Kampus Tetap Durian Tunggal pula berkeluasan 432 meter persegi bagi menampung keperluan bahan dan maklumat untuk pelajar dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Perpustakaan juga telah membuka cawangannya yang terbaru di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah pada 1 Oktober 2007 yang berkeluasan 500 meter persegi bagi menampung keperluan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) dan kursus jangka pendek dan panjang yang dianjurkan oleh universiti dari masa ke semasa.



Perpustakaan Kampus Industri
Ayer Keroh



Perpustakaan Kampus Tetap
Durian Tunggal

(FKE)



Perpustakaan Kampus Bandar
Jalan Hang Tuah


SUMBER MANUSIA

Sehingga Disember 2007, Perpustakaan UTeM mempunyai staf seramai 42 orang dengan penambahan seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan). Jadual di bawah merupakan maklumat staf Perpustakaan UTeM berdasarkan kategori perjawatan:

JAWATAN	BILANGAN
Ketua Pustakawan	1
Timbalan Ketua Pustakawan	1
Pustakawan	8
Penolong Pendaftar	1
Pembantu Tadbir (K)	2
Pembantu Tadbir (P/O)	2
Pembantu Perpustakaan Kanan	1
Pembantu Perpustakaan	22
Juruteknik	1
Jurutaip	1
Pembantu Am Pejabat	2
JUMLAH	42

KOLEKSI

Perpustakaan meneruskan usaha untuk mengukuhkan koleksinya melalui pembelian, hadiah dan pertukaran. Sebanyak 6,849 judul/9,454 naskah bahan telah berjaya diperolehi pada tahun ini dalam pelbagai bidang dan bentuk antaranya seperti buku, majalah dan CD-ROM. Sehingga akhir tahun 2007, jumlah koleksi Perpustakaan adalah berjumlah 37,182 judul/50,812 naskah berbanding 30,541 judul/41,358 naskah pada tahun 2006. Berikut adalah jumlah pecahan koleksi Perpustakaan UTeM seperti tercatat pada gambarajah di bawah:



Perpustakaan juga telah melanggan 1 judul baru Pangkalan Data Tempatan dan 7 Pangkalan Data Luar Negara. Ia menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 4 Pangkalan Data Tempatan dan 14 Pangkalan Data Luar seperti dinyatakan pada jadual di bawah.

Pangkalan Data Terbaru Langganan Perpustakaan UTeM Tahun 2007			
	Pangkalan Data	Akses	Bidang Perkara
Pangkalan Data Tempatan	LawNet	Teks Penuh	Undang-Undang Malaysia
Pangkalan Data Luar Negara	ScienceDirect	Abstrak/ Teks Penuh	Kejuruteraan
	Knovel Essentials	Abstrak/ Teks Penuh	Kejuruteraan
	Scopus	Abstrak	Kejuruteraan
	ProQuest Dissertation & Theses	Abstrak/ Teks Penuh	Penyelidikan, e-Tesis
	ENGnetBase	Abstrak/ Teks Penuh	Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Telekomunikasi
	H.W.Wilson General Science Abstract	Teks Penuh	Astronomi, Kimia, Biologi, Fizik
	H.W.Wilson Science & Technology Abstract	Teks Penuh	Kejuruteraan, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Matematik

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Seperti perpustakaan universiti yang lain, Perpustakaan UTeM menggunakan sistem perpustakaan iaitu sistem *Integrated Library Management Utility (ILMU)*.

Melalui sistem ini, segala urusan peminjaman dan pemulangan bahan di kaunter, pembaharuan tarikh pulang dan tempahan bahan dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan cekap.

Pada tahun ini, unit Automasi telah mengambil langkah perlu bagi mempertingkatkan keupayaan sistem ini bagi memastikan ianya dapat kekal



Penggunaan sistem ILMU dan pad reader RFID di kaunter Sirkulasi



Pintu keselamatan bersistem

berfungsi dengan lebih lancar, cepat dan selamat seperti melakukan penyelenggaraan dari masa ke semasa pada *server* dan mengatasi masalah yang wujud dengan kerjasama pihak Paradigm. Selain itu, unit Automasi juga telah mengambil langkah perlu dengan menukarkan *server web* berjenama Compaq Proliant kepada *server web* baru berjenama Dell PowerEdge 1900 dengan perisian Linux bagi memastikan tahap keselamatan server lebih terjamin.

PERKHIDMATAN

Unit Sirkulasi dan Media

Usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan Perpustakaan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan. Pada 2007, jumlah keahlian Perpustakaan adalah seramai 8,864 orang berbanding 6,990 orang pada tahun 2006. Bilangan pengunjung yang mengunjungi Perpustakaan pula telah meningkat dari 60,341 orang pada tahun 2006 kepada 82,254 orang pada tahun 2007. Sepanjang tahun 2007, sebanyak 38,376 naskah bahan Perpustakaan telah dipinjam oleh pengguna berbanding 35,478 naskah pada tahun sebelumnya.

Bilangan pinjaman bahan media yang terdiri daripada cd, vcd dan dvd meningkat sebanyak 304 pinjaman pada tahun 2007 berbanding 148 pinjaman bagi tahun sebelumnya dengan peratus peningkatan sebanyak 51.3%. Bilangan pengguna yang menggunakan kemudahan di Unit Media pada tahun 2007 menurun kepada 2,162 orang berbanding 4,348 orang pada tahun 2006.

Unit Rujukan

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna dalam menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan, Perpustakaan juga telah menyediakan khidmat rujukan dan nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP) kepada pengguna terutamanya untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat atau bahan-bahan yang berada dalam dan luar Perpustakaan UTeM.



Khidmat nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP)

Selain itu juga, Perpustakaan telah memberikan penerangan mengenai Perpustakaan pada Minggu Haluan Siswa (MHS) dan Kelas Kemahiran Maklumat untuk pelajar Diploma, Sarjana Muda dan pensyarah yang akan melanjutkan pelajaran. Sepanjang tahun 2007, 28 kelas telah diadakan dengan kehadiran berjumlah 479 orang pelajar.

Jumlah kelas meningkat sebanyak 23 (82.14%) berbanding 5 kelas pada tahun 2006. Jumlah pelajar turut meningkat 388 (81%) orang berbanding 91 orang pada tahun lepas.

Unit ini juga telah memenuhi keperluan pengguna dalam mendapatkan bahan yang tidak terdapat dalam koleksi Perpustakaan ini melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). Statistik menunjukkan peningkatan permohonan daripada 43 permohonan pada tahun 2006 kepada 50 permohonan pada tahun 2007 dengan pecahan kategori 38 permohonan buku dan 12 permohonan artikel.

Manakala bilangan pengguna yang menggunakan kemudahan Internet telah meningkat daripada 25,586 orang pada tahun 2006 kepada 37,580 orang pada tahun 2007.

Pada tahun 2007, sejumlah 8 permohonan merujuk ke perpustakaan luar jika disbanding 143 permohonan pada tahun 2006. Mulai November 2006, pengguna dibenarkan merujuk ke seluruh Perpustakaan IPTA (kecuali UM) dan IPTS terpilih seperti OUM, UTP, MMU dan Uniten dengan hanya membawa kad matrik pelajar/staf sahaja tanpa perlu lagi membawa surat rasmi dari Perpustakaan ini.

AKTIVITI UTAMA

Perpustakaan telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) Bil. 4/2007 Ketua-Ketua Pustakawan pada 29 Oktober 2007 bertempat di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah.